



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 71
No. 11

24hb Mei 2018

TAMBAHAN
No. 1

AKTA ACARA KEWANGAN 1957
(Akta 61)

FINANCIAL PROCEDURE ACT 1957
(Act 61)

No. 774.

ARAHAN PERBENDAHARAAN

TREASURY INSTRUCTIONS

PEMBERITAHUAN DI BAWAH ARAHAN 162

NOTIFICATION UNDER INSTRUCTION 162

PEMBETULAN/*CORRIGENDUM*

Dalam Pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 2178 yang disiarkan pada 7 Disember 2017, Jadual adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “36,800.00” yang terdapat bersetentangan dengan perkataan Jumlah, dengan perkataan “215,700.00”.

In State of Pahang Government *Gazette* Notification No. 2178 which is published on 7 December 2017, the Schedule is amended by substituting the word “36,800.00” which appear against the word *Jumlah*, with the word “215,700.00”.

[PKR.Phg. A/4/14/09-04]

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

No. 775.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 678 yang disiarkan pada 26 April 2018, adalah dipinda dengan menggantikan butiran berikut:

- (a) “PTG.Phg. 08/06/001 SJ-9/2017-KH” kepada
“PTG.Phg. 08/06/001 SJ-9/2018-KH”.

[PTG.Phg. 08/06/001 SJ-9/2018-KH]

No. 776.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta Kerajaan Negeri Pahang* No. 470 yang disiarkan pada 15 Mac 2018, adalah dipinda dengan menggantikan butiran berikut:

- (a) Mukim “Kuantan” kepada “Kuala Kuantan” dan
(b) Daerah “Kuala Kuantan” kepada “Kuantan”

[PTG.Phg. 08/06/001 SJ-163/2017-SH]

No. 777.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Liew Chong Faa dan Wong Kwai Ho yang beralamat B-48 Jalan Keledang, Taman Sentosa, 28400 Mentakab, Pahang. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang pada hari Khamis bersamaan 5 Julai 2018 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Mentakab Daerah Temerloh. No. Lot—299 Seksyen 13. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 5893. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2090/2004. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 28 Mac 2018
[PTT. 4/369/63/2017]

*Pentadbir Tanah
Temerloh*

No. 778.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Bentong, dalam Negeri Pahang.

Di Antara

RHB BANK BERHAD

Pemegang
Gadaian

Dan

1. YANG LAI SIA
2. YANG SUN HO

Penggadai-
Penggadai

Kepada Yang Lai Sia dan Yang Sun Ho yang kedua-duanya beralamat di 33 Batu 23, Jalan Manchis, 28600 Karak, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 24 Mei 2018 jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Tanah Bentong. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Pelangai. No. P.T.—4657. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3944. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 436/2003. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 12 April 2018
[PT.Btg. 5/P/708(6)]

SAZALI BIN HAMZAH
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Bentong

No. 779.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Bentong, dalam Negeri Pahang.

Di Antara

RHB BANK BERHAD

Pemegang
Gadaian

Dan

1. VINOTHAN A/L LETCHUMANAN
 2. PREMALA A/P RAMIAH
- Penggadai-
Penggadai

Kepada Vinothan a/l Letchumanan dan Premala a/p Ramiah yang kedua-duanya beralamat di 5 Taman Sri Makmur, 28600 Karak, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 24 Mei 2018 jam 11.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Bentong. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sabai. No. P.T.—20496. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4963. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 992/2011. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 18 April 2018
[PT.Btg. 5/S/709(6)]

SAZALI BIN HAMZAH
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Bentong

No. 780.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Bentong, dalam Negeri Pahang.

Di Antara

CIMB BANK BERHAD

Pemegang
Gadaian

Dan

- | | |
|----------------------------|------------|
| 1) MATHAN A/L V KALIYAPPAN | Penggadai- |
| 2) MALIGA A/P RENGASAMY | Penggadai |

Kepada Mathan a/l V Kaliyappan dan Maliga a/p Rengasamy yang beralamat di P 100 Jalan 35, Taman Desa Damai, 28700 Bentong, Pahang dan/atau 9 Taman Harmoni, 28700 Bentong, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 30 Mei 2018 jam 11.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Bentong. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. P.T.—13619. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3786. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 652/2008. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 19 April 2018
[PT.Btg. 5/B/712(6)]

SAZALI BIN HAMZAH
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Bentong

No. 781.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Bentong, dalam Negeri Pahang.

Di Antara

HONG LEONG BANK BERHAD

Pemegang
Gadaian

Dan

- 1) MANIPRATHAPAN A/L CHELLAMUTHU
 - 2) VIMALA A/P PARSURAMAN
- Penggadai-
Penggadai

Kepada Maniprathapan a/l Chellamuthu dan Vimala a/p Parsuraman yang beralamat 18 Taman Cempaka, 28700 Bentong, Pahang dan/atau 5-1-40 Blok 5, Jalan PJS 6/5B, Desa Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 30 Mei 2018 jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Tanah Bentong. Tuan/puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan Perintah Jualan Dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. Lot—15268. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 6573. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1058/2014. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 19 April 2018
[PT.Btg. 5/B/710(5)]

SAZALI BIN HAMZAH
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Bentong

No. 782.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Tanah Daerah Lipis, dalam Negeri Pahang.

Di Antara

CIMB BANK BERHAD
(13491-P)

Dan

MUSTAPA BIN ISMAIL

Kepada Mustapa bin Ismail beralamat di A-26 Taman Bakti, Padang Tengku, 27100 Kuala Lipis, Pahang dan/atau Kampung Pasir Sia, Padang Tengku, 27100 Kuala Lipis, Pahang.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas hakmilik yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 12 Julai 2018 jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Tanah Daerah Lipis (Unit Pendaftaran).

Tuan/puan adalah dikehendaki hadir bagi menunjukkan sebab mengapa Perintah Jualan tersebut tidak boleh dibuat. Kegagalan tuan/puan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan Perintah Jualan dikeluarkan berdasarkan seksyen 262(3) Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Gua. No. Lot—2001. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1490. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1086/1997, Jilid 40, Folio 40. Tarikh 28-10-1997 jam 11.05.00 pagi.

Bertarikh 20 April 2018
[PTL.Pen. 15/028/2018]

EZATUL FARRITA BINTI KAMALUDIN
b.p. Pentadbir Tanah
Lipis

No. 783.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mardhiah binti Nor Hashim Shah (KP. 860806-33-5468), Pentadbir Tanah Temerloh, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada 24 Mei 2018 bersamaan hari Khamis jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM4,800,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Juta Lapan Ratus Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM2,236,806.95. Nama Pemegang Gadaian ialah CIMB Islamic Bank Berhad, Corporate & Commercial Recovery, Level 6, Menara Bumiputera Commerce, No. 11, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM480,000.00;
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari tarikh 22 September 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. Lot—33992, 33993 dan 33994. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 12991, G.M. 12992 dan G.M. 12993. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2448/2012. (Tiga (3) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 8 Februari 2018
[PTT. 4/369/47/2017]

*Pentadbir Tanah
Temerloh*

No. 784.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Sazali bin Hamzah, Penolong Pentadbir Tanah Daerah Bentong, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Jun 2018 jam 11.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Bentong; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM400,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Ribu sahaja).

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM385,496.75 (setakat 24-1-2018). Nama Pemegang Gadaian: Hong Leong Bank Berhad, Level 2, Tower A, PJ City Development, 15A Jalan 219, Section 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM40,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Ribu sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu, tidak lewat dari 25 Oktober 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bentong. No. Lot—28574. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 7064. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 895/2015. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 19 April 2018
[PT.Btg. 5/B/702]

SAZALI BIN HAMZAH
Penolong Pentadbir Tanah
b.p. Pentadbir Tanah
Bentong

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA